

Menjembatani Tradisi dan Kemodenan

Mengenang Sumbangan Pemikir Islam Mohammed Abed al-Jabiri [1935-2010]

oleh
Mohamed Imran Mohamed Taib

Dua minggu lalu (5 Mei), dunia Islam kehilangan seorang lagi tokoh intelektual Islam yang telah memberi banyak sumbangan kepada dunia pemikiran Arab dan keislaman. Mohammed Abed al-Jabiri pulang ke rahmatullah dengan meninggalkan sejumlah karya yang menjadi bahan perdebatan dan perbincangan di dunia kesarjanaan dan pemikiran Islam. Menurut Prof. Ibrahim Abu-Rabi' (*Contemporary Arab Thought*, 2004), al-Jabiri merupakan segelintir dari pemikir Arab-Islam yang ulung di dunia Islam kontemporari.

Pemikir asal Maghribi yang lahir pada tahun 1935 pernah bergiat di bidang politik sewaktu mudanya, khususnya di parti Union Socialista des Forces Populaires (USFP) yang berhaluan kiri. Mendapat pendidikan awal di persekolahan agama dan kemudian di sekolah swasta nasionalis, al-Jabiri mengkhususkan pengajiannya di bidang falsafah dan sains sosial politik. Beliau pernah menempuh pendidikan falsafah di Universiti Damaskus, Syria, sebelum meraih sarjana kedoktoran pada tahun 1970 di Universiti Muhammad V di Rabat, Maghribi, dengan tesis yang berlegar di sekitar pemikiran Ibn Khaldun. Sebahagian besar hidupnya dihabiskan sebagai seorang pendidik, termasuk sebagai pensyarah di bidang falsafah dan pemikiran Islam di Universiti Muhammad V, Rabat.

Antara Tradisi dan Kemodenan

Seperti pemikir-pemikir Arab lain yang muncul semenjak tahun 1970an dan 80an, persoalan tradisi dan pembangunan menjadi keprihatinan utama al-Jabiri. Konteks kekalahan Dunia Arab di tangan Israel dalam Perang 1967 telah membangkitkan semangat mengaca diri dan mencari punca kelemahan diri masyarakat Islam di Dunia Arab. Waktu inilah para pemikir Arab mula mengambil serius soal perlunya mengapropriasikan *turath* atau warisan sejarah dan tradisi Arab-Islam dalam membangunkan dan memajukan Dunia Arab. Para pemikir ini melihat bagaimana projek nasionalisme Arab yang mengikut jejak Barat tidak berhasil membawa kemajuan dan kesejahteraan kepada masyarakat umum. Makanya, tradisi merupakan komponen penting dalam agenda pembangunan.

Di dalam latar inilah al-Jabiri mula muncul dan memberikan sumbangannya. Fokus utama beliau ialah mempersoalkan bagaimana tradisi difahami dan dipergunakan oleh kelompok-kelompok yang cuba mewacanakan isu kebangkitan (*nabdhah*) Dunia Arab-Islam. Di dalam analisisnya, ada tiga pendekatan terhadap tradisi.

Pendekatan Terhadap Tradisi

Yang pertama ialah pendekatan 'fundamentalis' yang menggunakan tradisi sebagai bahan membentuk identiti dan membangkitkan semangat yakin diri. Pendekatan begini merupakan mekanisme tahan diri (*defense mechanism*) yang lazim dilihat di dalam masyarakat pasca penjajahan. Pemikiran sebegini juga cenderung menggali tradisi demi mencari keaslian atau keautentikan (*asala*) yang dianggap sebagai dasar yang membentuk zaman kegemilangan Arab-Islam masa lampau. Makanya, jika keautentikan ini dapat diterapkan semula di zaman ini, kebangkitan Dunia Arab-Islam akan menjadi kenyataan.

Bagi al-Jabiri, pendekatan begini bersifat buta sejarah dan tidak kritis. Ianya akan berakhir dengan pemahaman terhadap tradisi yang terkunci dalam tradisi itu sendiri (*al-fahm al-turatsi li al-turats*). Akhirnya, pendekatan fundamentalis akan berhujung pada konservatisme yang tidak dapat lepas dari genggaman tradisi yang terikat pada masa lampau.

Sekiranya pendekatan fundamentalis bermasalah, al-Jabiri juga mengkritik pendekatan golongan kedua, iaitu pendekatan 'liberal'. Bagi al-Jabiri, golongan pemikir liberal Dunia Arab cuba membaca tradisi dari kaca mata pengalaman Eropah. Makanya, pendekatan tersebut akan mendatangkan keterasingan jati diri (*identity alienation*) yang berbahaya. Pendekatan ini juga digelar al-Jabiri sebagai bacaan tradisi bercorak 'orientalis' yang terobsesi menggunakan teknik filologi untuk mencari-cari asal-usul sesuatu tradisi yang berakhir pada 'universalisme Eropah'.

Corak pemikiran yang ketiga ialah pendekatan 'Marxist'. Al-Jabiri mengkritik juga pendekatan ini kerana terjebak dalam lingkaran musibah (*vicious cycle*), iaitu tradisi digunakan untuk tujuan revolusi, dan revolusi berharap membentuk tradisi. Pendekatan Marxist jelas tidak berupaya membentuk satu metodologi kukuh dan jelas dalam pembentukan masyarakat.

Jelaslah, al-Jabiri cuba menganalisa persoalan kaitan tradisi dan pembangunan dengan merungkai dan mengkritik epistemologi (dasar ilmu) pemikiran Arab yang mendominasi masyarakat. Bagi al-Jabiri sendiri, kemodenan tidak bermaksud menafikan ataupun melepaskan tradisi. Sebaliknya, kita boleh mencapai tahap kemodenan dengan memperbaharui cara kita menilai tradisi supaya pegangan kita terhadap tradisi tidak berunsur ideologikal ataupun sekadar pegangan bersifat emosional. Dalam erti kata lain, al-Jabiri mengingatkan kita bahawa tradisi tidak seharusnya dilihat sebagai suatu realiti yang mutlak dan bebas sejarah. Tradisi sentiasa terikat dengan konteks kemunculan dan perkembangannya. Maka tugas cendekiawan yang ingin membangunkan peradaban Islam masakini haruslah mempersoalkan epistemologi pemikiran atau dasar dan cara kita memahami dan menggunakan khazanah dan tradisi lampau.

Inilah yang menjadi tumpuan utama keserjanaannya yang berjaya menghasilkan karya unggulnya, *Naqd al-Aql al-Arabi* (Kritik Pemikiran Arab, 1984-90) sebanyak 3 jilid. Selain itu, beliau juga pernah menghasilkan sejumlah buku yang membedah aspek-aspek pemikiran Arab-Islam, termasuk *Nahnu wa al-Turath* (Pendekatan Kita Terhadap Tradisi, 1980) dan *Al-Khitab al-Arabi al-Mu'asir* (Wacana Arab Kontemporari, 1984).

Membangunkan Rasionalisme Arab-Islam

Sepanjang kesarjanaannya, al-Jabiri juga sangat konsisten dalam membangkitkan suatu corak pemikiran yang rasional, atau apa yang digelarnya sebagai tipologi pemikiran al-burhan. Menurutnya, corak berfikir al-burhan dapat dilihat di dalam pendekatan pemikir-pemikir seperti Ibn Rusyd, al-Farabi, Ibn Khaldun dan Ibn Hazm, yang muncul khususnya di kawasan barat Dunia Islam iaitu Maghribi dan Andalusia. Pemikir-pemikir ini membawakan suatu pendekatan berbeza dari corak berfikir al-irfan, yang bersifat 'gnostic' (mistikal) dan dipelopori oleh Ibn Sina yang kemudiannya diterapkan oleh al-Ghazali yang cenderung membawa corak pemikiran 'hermetic' (esoterik) dan 'illuminist' (*isbraq*).

Bagi al-Jabiri, masa depan Dunia Arab-Islam akan cerah sekiranya umat Islam menerapkan semula corak berfikir al-burhan, terutama sepertimana yang terdapat di dalam epistemologi pemikiran Ibn Rusyd. Kerana, menurut al-Jabiri, wacana al-Qur'an itu sendiri adalah wacana yang berdiri atas bahasa akal yang rasional.

Wacana Post Tradisionalisme

Tidak dinafikan, pemikiran-pemikiran al-Jabiri dapat dianggap sebagai kreatif dan asli kerana melampaui persoalan apa yang harus dikekalkan dari tradisi dan apa yang harus diambil dari kemodenan. Al-Jabiri berjaya menunjukkan suatu cara memikir ulang dasar-dasar pengetahuan dan mempersoalkan kriteria apa yang kita gunakan dalam memperlakukan tradisi dan kemodenan. Sehingga kini, karya-karya al-Jabiri terus dibaca dan didebatkan oleh ribuan aktivis dan pemikir-pemikir muda di Dunia Arab dan Islam khususnya.

Yang menariknya, pemikiran al-Jabiri juga sangat berpengaruh di rantau ini. Di kalangan pemikir-pemikir muda yang bergiat di Nahdlatul Ulama Indonesia khususnya, hasil-hasil pemikiran al-Jabiri menjadi dasar bagi wacana dan gerakan 'post-tradisionalisme Islam' atau singkatnya, 'Postra'. Ruh dari gerakan ini, menurut Rumadi (*Post Tradisionalisme Islam*, 2008) adalah melakukan transformasi dan revitalisasi terhadap tradisi, bukan meninggalkan tradisi. Dengan demikian, Postra membawa pengertian kesinambungan dan perubahan sekaligus. Dalam erti kata lain, wacana dan gerakan Postra ini bermula dengan menggunakan tradisi sebagai dasar untuk melakukan transformasi sosial. Bagi anak-anak muda di dalam gerakan ini, pemikiran al-Jabiri telah berjaya menjembatani kemodenan, warisan sejarah (tradisi) dan semangat demokrasi yang baru.

Di sinilah letaknya pengaruh dan sumbangan penting tokoh yang sangat kontroversial tetapi dikagumi di dunia kesarjanaan dan pemikiran Islam kontemporari. Apa yang jelas ialah karya-karya al-Jabiri akan terus dibaca dan mendapat tempat di dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam masakini. Semoga segala amal dan jasanya terhadap dunia keilmuan Islam diterima di sisi Tuhan.

Alfateha.